

Keputusan pinda tuduhan Najib 6 November

KUALA LUMPUR: Permohonan pihak pendakwaan untuk meminda tiga pertuduhan yang dikenakan terhadap bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berhubung penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB), lima tahun lalu akan diputuskan pada 6 November ini.

Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah menetapkan tarikh tersebut pada prosiding hari ini yang mana pasukan pembelaan Najib yang diketuai peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah sepatutnya berhujah bagi menjawab hujah balas pihak pendakwaan semalam.

Pada 24 Oktober lalu, pihak pendakwaan mengemukakan permohonan untuk meminda tiga pertuduhan membabitkan satu pertuduhan membabitkan salah guna kedudukan bagi mendapatkan rasuah dan dua tudu-

han pengubahan wang haram.

Pindaan tersebut menjadikan jumlah penyelewengan dana 1MDB daripada RM2,282,937,678.41 (RM2.28 bilion) kepada RM2,277,577,613.41 (RM2.27 bilion).

Terdahulu, Muhammad Shafee memaklumkan kepada Hakim Sequerah, beliau tidak dapat membuat hujah pada hari ini kerana perlu meneliti keterangan beberapa saksi pendakwaan yang telah memberi keterangan sebelum ini.

“Kami menyediakan dokumen merangkumi (isu-isu yang dibangkitkan) untuk Yang Arif membuat keputusan. Selain keterangan-keterangan Hazem, Tan Sri Zeti, Joanna Yu dan Uma Devi, terdapat beberapa saksi lain yang perlu kami teliti keterangannya bagi melengkapkan dokumen terbabit,” kata Muhammad Shafee.



NAJIB Razak hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semalam bagi menyambung perbicaraan kes 1MDB. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON